1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1449/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah	:	100 Markah
Masa	:	2 jam 30 minit

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian**: **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C.**

Bahagian A	:	Mengandungi 10 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 40 markah.
Bahagian B	:	Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 45 markah.
Bahagian C	:	Mengandungi 2 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Bahagian ini memperuntukkan 15 markah.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1 (a)

Rajah 1 pada ruang jawapan menunjukkan dua titik, P dan Q yang dilukis pada satah Cartes.


Diagram 1 in the answer space shows two points, P and Q drawn on the Cartesian plane.

(*a*) Pada ruang jawapan, tandakan titik R yang mempunyai jarak mencancang 5 unit dari titik P.

In the answer space, mark point R which has vertical distance of 5 units from point P.

Calon dikehendaki **menanda titik R** yang mempunyai jarak mencancang 5 unit dari titik P pada ruang yang disediakan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon menanda titik R pada koordinat yang tepat.

Soalan 2 (b)

(*b*) julat antara kuartil.
the interquartile range.

Calon dikehendaki **mencari julat antara kuartil** bagi data tak terkumpul yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$Q_1 = 5$

$Q_3 = 16$

Interquartile range $= 16 - 5$
$= 11$

Calon dapat mencari julat antara kuartil dengan tepat menggunakan kaedah yang betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

$Q_3 = \frac{16+20}{2}$
$= 18$


$Q_3 - Q_1 = 18 - 4$
$= 12$

Calon menentukan julat antara kuartil dengan menggunakan nilai kuartil pertama dan kuartil ketiga dengan menggunakan kaedah bagi data terkumpul.

Soalan 4 (a)

(*a*) Rajah 2 menunjukkan langkah-langkah dalam proses pengurusan kewangan yang tidak lengkap.

Diagram 2 shows the incomplete steps in financial management process.



Rajah 2
Diagram 2

Nyatakan langkah yang berlabel ***Y***.

State the step labelled Y.

Calon diminta **menyatakan langkah yang berlabel** Y dalam proses pengurusan kewangan pada Rajah 2.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Y: Evaluating Financial Status

Calon dapat menyatakan langkah berlabel Y dengan tepat.

Soalan 6 (a)

Encik Fahim membeli sebuah rumah yang diinsuranskan dengan insurans kebakaran yang mempunyai peruntukan ko-insurans 80% daripada nilai boleh insurans rumahnya. Nilai boleh insurans rumahnya ialah RM300 000 dan deduktibel sebanyak RM2 500.

Jika Encik Fahim menginsuranskan rumahnya dengan jumlah sebanyak RM200 000,

Encik Fahim bought a house insured with the fire insurance which has a co-insurance provision of 80% *of his house's insurable value. The house's insurable value is* RM300 000 *and a deductible of* RM2 500.


If Encik Fahim insured his house with an amount of RM200 000,

(*a*) hitung bayaran pampasan yang akan diterimanya jika rumahnya mengalami kebakaran dan kerugian dianggarkan RM30 000.

calculate the amount of compensation that he will receive if his house is caught on fire and the estimated amount of loss is RM30 000.


Calon dikehendaki **menghitung bayaran pampasan** yang akan diterima oleh Encik Fahim berdasarkan situasi yang diberi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menghitung bayaran pampasan yang akan diterima oleh Encik Fahim dengan menggunakan kaedah yang betul.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana




Calon hanya dapat menghitung nilai peruntukan ko-insurans rumah sahaja. Calon membuat kesilapan dalam menggunakan rumus untuk mengira pampasan yang akan diterima oleh Encik Fahim.

Soalan 9 (a)(i)

Rajah 6 menunjukkan titik M dan titik M'' pada suatu satah Cartes.

Diagram 6 shows points, M and M'' on a Cartesian plane.



Rajah 6
Diagram 6

Titik M'' ialah imej bagi titik M di bawah gabungan transformasi TR. Diberi transformasi T ialah translasi $\begin{pmatrix} 2 \\ 6 \end{pmatrix}$ dan transformasi R ialah suatu putaran $90°$.

Point M'' is the image of point M under a combined transformation TR. It is given that transformation T is a translation $\begin{pmatrix} 2 \\ 6 \end{pmatrix}$ and transformation R is a rotation of $90°$.

(*a*) (i) Tentukan koordinat M'.
Determine the coordinates of M'.

Calon dikehendaki **menentukan koordinat *M'*** iaitu imej yang pertama dalam gabungan transformasi *TR*.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$M' = (3, 0)$


Calon dapat menentukan koordinat M' iaitu imej bagi titik M di bawah transformasi R dengan tepat.

2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

Soalan 11 (a)(i)

(*a*) Rajah 8.1 menunjukkan garis lurus *RS* yang berada pada suatu satah Cartes. *O* ialah asalan.

Diagram 8.1 *shows the straight line RS lies on a Cartesian plane. O is the origin.*



Rajah 8.1
Diagram 8.1

(i) Nyatakan kecerunan *RS*.
State the gradient of RS.

Calon dikehendaki **menyatakan kecerunan *RS*** pada Rajah 8.1.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

$2y = -3x + 8$

$y = -\frac{3}{2}x + 4$

$m = -\frac{3}{2}$

Calon dapat menyatakan kecerunan *RS* dengan menukar persamaan garis lurus *RS* kepada bentuk am iaitu $y = mx + c$.

2.8 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN C

Soalan 16 (a)(i)

Encik Lee merupakan seorang jurulatih bola keranjang bagi pasukan sekolahnya. Dia sedang menyiapkan pasukan sekolahnya yang terdiri daripada pasukan lelaki dan pasukan perempuan bagi suatu pertandingan.

Encik Lee is a basketball coach for his school teams. He is preparing his school teams which consist of a boys team and a girls team for a tournament.

(*a*) Encik Lee ingin menempah beberapa helai kemeja-T berlengan pendek dan kemeja T-berlengan panjang untuk pemain-pemainnya. Diberi bahawa harga bagi sehelai kemeja-T berlengan pendek dan kemeja T-berlengan panjang masing-masing ialah RM15 dan RM18.


Encik Lee wants to order a few short sleeve T-shirts and long sleeve T-shirts for his players. The prices of a short sleeve T-shirt and a long sleeve T-shirt are RM15 *and* RM18 *respectively.*

(i) Tulis nisbah harga sehelai kemeja-T berlengan pendek kepada harga sehelai kemeja T-berlengan panjang dalam bentuk termudah.

Write the ratio of the price of a short sleeve T-shirt to the price of a long sleeve T-shirt in the simplest form.

Calon dikehendaki **menulis nisbah harga sehelai kemeja-*T* berlengan pendek kepada harga sehelai kemeja-*T* berlengan panjang** dalam bentuk termudah.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi



Calon dapat menulis nisbah harga sehelai kemeja-*T* berlengan pendek kepada harga sehelai kemeja-*T* berlengan panjang dalam bentuk termudah.

Suka sampel ini?

Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2
- Bonus: Sains Kertas 1 & 2, Sejarah Kertas 1 + jawapan, cadangan jawapan Matematik Kertas 2, Kimia Kertas 3 + skema, Pendidikan Islam Kertas 1, SPMU 2026 BM & Sejarah

RM34.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta